


Jabatan Perubatan Ginjal

# Maklumat Pesakit Nefritis Lupus



Singapore  
General Hospital  
SingHealth

Diabetes & Metabolism Centre  
Level 4  
17 Third Hospital Avenue  
Singapore 168752  
[www.sgh.com.sg](http://www.sgh.com.sg)  
General Enquiries: 6222 3322  
Appointments: 6321 4377

Reg. No: 198703907Z  
Maklumat tepat pada Mac 2018

PATIENTS. AT THE HE<sup>♥</sup>RT OF ALL WE DO.®



Singapore  
General Hospital  
SingHealth

## Apakah itu nefritis lupus?

Nefritis lupus ialah kerosakan ginjal yang disebabkan oleh sistem kebal tubuh menyerang sel-selnya sendiri. Lupus juga boleh menjejaskan lain-lain bahagian tubuh seperti kulit, sendi, darah, otak, jantung dan paru-paru. Nefritis lupus boleh mengakibatkan darah atau protein berada dalam air kencing atau menyebabkan kerosakan fungsiginjal.

Apabila ginjal tidak berfungsi dengan betul, sisa dan cecair tidak dibuang daripada darah. Ini menyebabkan pengumpulan sisa, tekanan darah tinggi dan cecair terkumpul. Dialisis mungkin diperlukan jika keadaan tersebut tidak dirawat.

## Apakah penyebabnya?

Nefritis lupus berlaku apabila sistem kebal tubuh menjejaskan ginjal. Faktor keturunan atau sekitaran boleh menjadi penyebabnya juga.

## Apakah gejala-gejalanya?

Gejala-gejalanya berbeza dan bergantung kepada keadaan kerosakan ginjal. Pesakit mungkin mempunyai tekanan darah tinggi, air kencing berbuih atau kemerahan atau bengkak pada kaki, buku lali, tangan atau muka. Jika nefritis lupus tidak dirawat, ginjal akan rosak selama-lamanya dan tidak boleh dipulihkan. Ginjal yang tidak berfungsi dikenali sebagai penyakit ginjal tahap akhir.

Pesakit yang menghidap nefritis lupus mungkin mempunyai gejala lupus yang lain seperti sakit atau bengkak sendi, ruam di muka atau bahagian bawah badan dan demam.

## Siapakah yang terjejas?

Lelaki dan wanita pada semua peringkat umur boleh menghidap nefritis lupus walaupun lupus biasanya menjejaskan wanita berumur 20 hingga 40 tahun.

## Bagaimanakah ia dikesan?

Ujian darah dan air kencing boleh mengesan nefritis lupus tetapi pemeriksaan ginjal perlu dilakukan untuk mengesahkan tahap kerosakan ginjal tersebut. Secebis tisu ginjal diambil untuk ujian makmal.

## Bagaimanakah ia dirawat?

Rawatan bergantung kepada tahap kerosakan. Tetapi biasanya ubat diberikan untuk menghentikan sistem kebal daripada menyerang sel-sel ginjal. Ubat yang biasa digunakan termasuk prednisolone, cyclophosphamide, mycophenolate mofetil atau sodium dan hydroxychloroquine.

Pesakit yang menghidap tekanan darah tinggi atau bengkak mungkin diberikan ubat untuk mengurangkan tekanan darah atau mengeluarkan cecair berlebihan. Mereka juga akan dinasihatkan untuk mengurangkan pengambilan garam.

Rawatan tersebut biasanya membantu mengawal kerosakan ginjal. Tetapi, pesakit perlu berjumpa doktor secara kerap kerana penyakit tersebut berkemungkinan besar boleh berlaku semula. Dua pertiga pesakit dan sehingga 10% pesakit mungkin tidak memberikan respons kepada terapi dan menghidap penyakit ginjal tahap akhir. Pesakit seperti ini memerlukan dialisis atau pemindahan ginjal dalam masa lima tahun.

## Bagaimanakah nefritis lupus akan menjejaskan gaya hidup saya?

Pesakit hendaklah sentiasa menggunakan krim pelindung suria dan memakai topi apabila anda berada di bawah cahaya matahari sebab ia boleh mencetuskan lupus kembali.